



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MESYUARAT DUA HALA MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA DENGAN MENTERI PERTANIAN DAN KOPERASI THAILAND

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, hari ini mengadakan mesyuarat dua hala dengan TYT Suriya Jungrunreangkit, Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand, bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan sektor pertanian dan perikanan kedua-dua negara. Mesyuarat dua hala ini turut disertai oleh Duta Besar Thailand ke Malaysia, PYT Lada Phumas, serta Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Koperasi Thailand, Encik Vinaroj Supsongsuk. Pertemuan dimulakan dengan sesi perbincangan empat mata antara kedua-dua Menteri sebelum diteruskan dengan mesyuarat dua hala yang melibatkan delegasi daripada kedua-dua kementerian.

Dalam mesyuarat ini Malaysia telah membangkitkan beberapa isu perdagangan melibatkan produk pertanian antaranya sekatan eksport udang Malaysia ke Thailand, pemeriksaan ketat terhadap eksport ikan siakap Malaysia ke Thailand, serta permohonan akses pasaran produk ternakan ke Thailand yang telah tertunggak sejak tahun 2024. Malaysia turut mengambil kesempatan dalam mesyuarat ini untuk memaklumkan kepada pihak Thailand justifikasi sekatan sementara Malaysia terhadap import lima (5) jenis udang dari Thailand yang berdasarkan penilaian teknikal dan maklumat risiko semasa bagi memastikan tahap biosekuriti serta keselamatan makanan negara sentiasa terpelihara.

Malaysia turut memaklumkan bahawa langkah tersebut akan kekal berkuat kuasa sehingga proses penilaian lanjut selesai dilaksanakan, termasuk kemungkinan menjalankan penilaian di lapangan (*on-site assessment*), perbincangan teknikal berkaitan keperluan import serta pengaturan pensijilan kesihatan. Walau bagaimanapun, kedua-dua belah pihak bersetuju untuk membincangkan dengan lebih lanjut perkara ini untuk mendapatkan keputusan yang boleh memanfaatkan kedua-dua belah pihak.

Pihak Malaysia turut meminta pihak Thailand untuk memudahkan fasilitasi perdagangan produk pertanian yang menggunakan *ASEAN Rapid Transit System*, satu laluan kereta api melintasi Malaysia, Thailand, Lao PDR dan China terutamanya dalam pengeluaran permit khas daripada Jabatan Pertanian (DOA) Thailand untuk meningkatkan kebolehpasaran produk pertanian Malaysia ke China, termasuk durian.

Malaysia juga menegaskan kepentingan mengekalkan komunikasi yang terbuka, telus dan pantas antara pihak berkuasa kompeten kedua-dua buah negara, dan menekankan kepentingan mengekalkan hubungan baik di antara Malaysia dan Thailand sebagai negara jiran dan negara ahli ASEAN, selain bersetuju memperkukuh kerjasama teknikal dan perdagangan dalam sektor pertanian dan agromakanan demi manfaat bersama.

Hubungan perdagangan produk pertanian dan agromakanan antara Malaysia dan Thailand terus menunjukkan perkembangan positif dengan nilai perdagangan mencecah RM20.33 bilion bagi tempoh Januari hingga Disember 2025. Eksport utama Malaysia ke Thailand merangkumi kopi, koko, teh, rempah-ratus serta produk makanan diproses, manakala import utama dari Thailand termasuk daging dan produk berasaskan daging.

Di akhir pertemuan, YB Menteri telah menyampaikan jemputan rasmi kepada pihak Thailand untuk menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026 yang akan berlangsung pada 28 Ogos hingga 6 September 2026 dengan tema “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”.

Delegasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) disertai oleh YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha, YBhg. Dato’ Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Dato Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan, Amb. Suzilah binti Mohd Sidek, Setiausaha Bahagian Asia Tenggara Kementerian Luar Negeri (KLN) serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

